

Newspaper	Berita Harian
Date	05/09/2012

# Dr M yakin BN dapat dua pertiga

BH - 5/9/2012

» Anggota perlu sokong siapa saja dicalonkan

**Anwar Patho**

**Rohman**

wanawar@bharian.com.my

↳ Solo, Indonesia



**T**un Dr Mahathir Mohamad percaya Barisan Nasional (BN) mampu memperoleh sokongan dua pertiga pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13).

Namun, bekas Perdana Menteri berkata, ia harus disertai syarat, iaitu anggota parti harus berfikiran waras untuk menerima dan menyokong siapa saja yang dinamakan sebagai calon.

"Saya ingat (BN) boleh menang, tapi masalahnya kita nak dapat satu majoriti yang cukup supaya mendirikan sebuah kerajaan yang kukuh dan kuat," katanya.

### Dilarang sabotaj

Dr Mahathir turut mengingatkan ahli BN supaya tidak melakukan sabotaj ketika kempen pilihan raya, semata-mata tidak berpuas hati dengan calon yang dipilih pucuk pimpinan, sedangkan perbuatan itu boleh membawa padah

dan mengakibatkan parti kalah.

"Kalau orang UMNO, orang BN punya fikiran waras, mereka (BN) akan dapat dua pertiga (sokongan rakyat). Tapi kalau nak main... orang ini tak suka, orang itu tak suka... kalah pun boleh," katanya pada sidang media bersama wartawan Malaysia, di sini semalam.

Bekas Perdana Menteri berada di sini untuk menerima anugerah Doktor Kehormat Ilmu Sosial dan Budaya Dalam Bidang Kepimpinan dan Pemberdayaan Bangsa Melayu oleh Universiti Sebelas Maret Indonesia (UNS-Solo), Jawa Tengah, kelmarin.

### Calon bawa saingan

Beliau berkata, calon yang dipertaruhkan BN untuk membawa saingan parti pada pilihan raya pula harus terdiri daripada mereka yang dikenali sebagai berfikiran waras, berpelajaran dan mempunyai pengalaman dalam selok belok negara demokrasi.

Katanya, apa yang menjadi masalah dalam BN selama ini ialah siapa saja yang dipilih sebagai calon, tidak akan dipersetujui pihak tertentu yang menge-

mukakan pelbagai alasan.

"Kononnya (calon) tak tahu itu dan ini. Saya tak fikir (Perdana Menteri) Datuk Seri Najib (Razak) boleh pilih seorang yang boleh disukai semua dalam bahagian itu. Kita dapati jadi satu tabiat dalam UMNO, kalau tak suka calon, akan tutup bilik gerakan, akan cuba sabotaj, cantas.

### Sokong calon dipilih

"Mereka bukan fikir kemenangan bagi parti untuk membentuk kerajaan yang baik. Mereka cuma fikir kepentingan orang tertentu saja...jadi mereka tidak matang," katanya sambil mengingatkan ahli UMNO dan BN harus menyokong siapa saja yang dipilih sebagai calon walaupun bukan dari kalangan ahli mana-mana komponen BN.

"Kita harus ingat UMNO, MCA, MIC atau GERAKAN, tak mungkin menang tanpa sokongan orang yang bukan ahli parti. Jadi, kenapa kalau orang bukan ahli parti dipilih (sebagai calon), tak mahu sokong... sepatutnya kita sokong. Kalau dia berkebolehan, kita patut sokong kerana akhirnya kita nak tentukan parti menang," katanya.